

TAK WAJAR

UM 25 MAR 1987

MENTERI² KRITIK

KERAJAAN-MAHATHIR

KUALA LUMPUR 24 Mac —
Perdana Menteri, Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad
hari ini mengingatkan
menteri - menterinya
bahawa adalah tidak wajar
bagi mereka mengkritik
kerajaan berdasarkan
tanggungjawab yang
mereka pikul bersama
dalam kerajaan.

Serentak dengan itu, beliau
melahirkan rasa kesalnya
kerana ada di antara
menteri - menterinya yang
sanggup berbuat demikian
dengan tujuan memenangi
jawatan - jawatan yang
dipertandingkan dalam
Perhimpunan Agung UMNO

Oleh Mahani Othman

April ini.
"Apa yang mereka fikirkan
hanyalah untuk menang
tanpa mempedulikan kesan
yang akan timbul kemudian
nantinya," tegas Perdana
Menteri ketika diminta
mengulas dakwaan adanya
menteri - menteri yang
mengkritik dasar - dasar
kerajaan secara terbuka.
Bercakap kepada para
pemberita selepas
merasmikan Seminar
Kebangsaan Dasar
Ekonomi Baru selepas tahun
1990 di Pusat Dagangan
Dunia Putra di sini pagi ini,
Perdana Menteri berkata:

"Saya terpaksa bercakap
walaupun pada mulanya
saya enggan berbuat
demikian kerana tuduhan -
tuduhan terhadap kerajaan
semakin teruk."
Bahkan, kata Perdana
Menteri, beliau turut
terkejut apabila mendengar
kritik - kritik yang
dilemparkan kepada
kerajaan sejak
kebelakangan ini.
Menurutnya lagi, pada
mulanya beliau
sememangnya enggan
untuk menjawab segala
tuduhan yang dilemparkan
tetapi kerana perkara itu

telah semakin teruk beliau
terpaksa menjawabnya.
Berhubung dengan tuduhan
yang mendakwa bahawa
beliau seorang diktator,
Datuk Sri Dr. Mahathir
berkata: "Kalau saya
diktator seperti yang
dikatakan sudah pasti saya
akan mengharamkan buku-
buku yang ditulis untuk
mengkritik saya."
"Tetapi saya tidak mahu
berbuat demikian walaupun
buku yang saya tulis dulu
pernah diharamkan oleh
kerajaan," tegasnya.
Datuk Sri Dr. Mahathir juga
mendedahkan bahawa
beliau pernah ditemui oleh
seorang penulis yang
menawarkan untuk menulis
buku mengenainya
sekiranya beliau sanggup
memberinya \$30,000.
Bagaimanapun, tegasnya,
beliau terpaksa menolak
tawaran penulis berkenaan
yang mana akhirnya
menulis sebuah buku
tentang "orang lain."
Dan, tegasnya, "kalau saya
diktator seperti yang
didakwa buku itu sudah
tentu saya haramkan."
Perdana Menteri secara
berjenaka berkata: "Jika
dibandingkan dengan

LIHAT MUKA 6

UM 25 MAR 1987

Tak wajar menteri2 kritik kerajaan — Mahathir

Marcos, belum ada orang yang telah saya bunuh." Tambahnya, perkara ini muncul kerana adanya pemilihan UMNO sekarang serta juga kerana kepentingan diri masing - masing.

Mengenai hasrat tokoh - tokoh tertentu untuk bertanding merebut jawatan Presiden UMNO bulan hadapan, Perdana Menteri berkata, mereka mahukan jawatan itu

kerana ia adalah "tangga" untuk menjawat jawatan Perdana Menteri.

Katanya, menjadi presiden parti - parti lain tidak akan membolehkan mereka menjadi Perdana Menteri dan hanya dengan menjadi Presiden UMNO sahaja akan membolehkan mereka menjadi Perdana Menteri nanti.

Bagi mereka yang benar - benar ingin menjadi presiden sesebuah parti,

Datuk Sri Dr. Mahathir mengesyorkan mereka supaya menubuhkan sahaja parti mereka sendiri tetapi katanya, ini tidak akan membolehkan mereka menjadi Perdana Menteri negara ini.

Ditanya tentang regu Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam, beliau berkata: "Rekod - rekod yang ada menunjukkan mereka tidak boleh mencapai kata sepakat."

Perdana Menteri berkata, surat yang ditulis oleh Datuk Musa kepadanya semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu jelas membuktikan perkara ini. Datuk Musa, jelasnya, antara lain memberikan kata dua bahawa beliau akan berhenti dalam tempoh setahun sekiranya tidak disingkirkan dari menjadi menteri kabinet. "Surat itu masih ada saya simpan bersama - sama dengan surat tokoh - tokoh UMNO lain yang meminta berbagai perkara termasuk menjadi senator dan meminjam wang dari bank.

Surat - surat itu terpaksa saya simpan sebagai bukti bahawa saya bukan mereka cerita," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Tentang perletakan jawatan Datuk Musa pula, Perdana Menteri menjelaskan bahawa beliau tidak pernah meminta Datuk Musa meletakkan jawatan tetapi Datuk Musa memilih untuk berbuat demikian.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengakui terdapat perselisihan pendapat dengan Datuk Musa semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu tetapi perkara itu tidak serius kecuali apabila beliau

mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet. Menjawab dakwaan Datuk Musa kelmarin bahawa beliau juga melanggar tradisi parti kerana menulis surat kepada Presiden parti Tunku Abdul Rahman pada tahun 1969, Perdana Menteri menjawab: "Saya hanya memberikan pandangan sahaja dalam sebuah negara demokrasi." Ulang Perdana Menteri lagi, "saya hanya memberikan pandangan bukan untuk menggulingkan sesiapa."

Menjawab pertanyaan sama ada usaha - usaha untuk kompromi telah

dibuat, beliau memberitahu setahunnya tidak ada usaha ke arah itu yang dibuat oleh mana-mana pihak.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata, bahawa beliau yakin pucuk pimpinan parti tidak akan menganiayai mana - mana anggota parti yang memihak kepada sesiapa dalam kempen bagi pemilihan jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO. Beliau berkata, soal itu tidak timbul walaupun siapa akan menerajui parti kelak. "Saya percaya jika Tengku Razaleigh menang pun beliau tidak akan menganiayai kepada yang lain-lain," katanya.